

Kerajaan teliti kemampuan sebelum teruskan eBelia Rahmah



ANWAR Ibrahim bergambar bersama salah seorang pengunjung ketika melawat rerual pameran selepas menyempurnakan Majlis Penutup Sambutan Setahun Bersama Kerajaan Malaysia Madani di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Oleh **AHMAD FADHLULLAH ADNAN**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan meneliti kemampuan kewangan negara sebelum mengambil keputusan untuk meneruskan inisiatif eBelia Rahmah pada tahun hadapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, eBelia Rahmah akan dibincangkan pada awal tahun depan dan diputuskan mengikut keupayaan dana negara.

"Saya bagi jaminan sedaya upaya kita untuk mengurangkan beban rakyat ini terutama mahasiswa kita akan cuba bantu sebanyak mungkin.

"Tetapi kita tangguh sehingga awal tahun untuk kita kaji semula berapa pendapatan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Kemudian Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) juga da-

"Saya bagi jaminan sedaya upaya kita untuk mengurangkan beban rakyat ini terutama mahasiswa kita akan cuba bantu sebanyak mungkin."

ANWAR IBRAHIM

pat tahu hasil bertambah. Kalau hasil bertambah, insya-Allah kita boleh belanja dengan baik," katanya dalam sesi dialog Malaysia Madani bersama Perdana Menteri di Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan

daripada seorang wakil pelajar yang bertanya adakah eBelia Rahmah diteruskan tahun hadapan susulan ekonomi mahasiswa yang sangat memerlukan bantuan.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai kemudahan kolej kediaman di universiti, Perdana Menteri berkata, perkara itu sudah dibangkitkan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

"Mungkin kita tidak boleh selesaikan di satu universiti, tetapi boleh ditingkatkan berperingkat kerana banyak universiti yang memerlukan. Dengan beberapa kaedah itu, kita cuba tingkatkan," katanya.

Berhubung dakwaan Menu Rahmah tiada di beberapa universiti, Anwar berkata, beliau akan meminta menteri yang bertanggungjawab untuk menyemak semula perkara itu dengan semua universiti sekiranya tidak beriak seperti mana yang diharapkan.